



YPDR. 09/4/5 (6)
24hb. Februari 2020

KENYATAAN MEDIA

OLEH
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

PELANTIKAN SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT BARU

Sukacita saya ingin memaklumkan pelantikan **Encik Riduan Rahmat** sebagai **Setiausaha Dewan Rakyat yang baru berkuat kuasa 22 Februari 2020** bagi menggantikan YBhg. Datuk Roosme Hamzah yang tamat perkhidmatan selepas berakhirnya tempoh kontrak selama setahun tarikh bersara wajib pada 22 Februari 2019.

Encik Riduan Rahmat, 55 tahun, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran dan Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia), Universiti Teknologi Mara dan Ijazah Sarjana Sains Sosial (Sains Politik) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 31 tahun sejak mula menyertai perkhidmatan Pegawai Tadbir Parlimen Malaysia pada 31 Januari 1989.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam serta pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Dewan Negara sejak 8 September 2014. Selain itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan dan Setiausaha Bahagian Tugas-tugas Khas di Parlimen Malaysia.

Bagi pihak Kerajaan dan Parlimen Malaysia, saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Roosme Hamzah di atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau sepanjang tempoh memegang jawatan Setiausaha Dewan Rakyat Ke-12 sejak 26 Disember 2007, khususnya telah menjayakan agenda reformasi memartabatkan institusi parlimen yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF